

Banjir di Kampung Gajah pulih

BH - 29/10/2006

KAMPUNG GAJAH: Beberapa kampung berhampiran Sungai Kinta di sini yang dilanda banjir sehingga 1.5 meter sejak 1 Syawal lalu beransur pulih selepas laluan air dibina bagi mengalirkan air.

Banjir itu dipercayai berpunca limpahan air Sungai Perak selepas air Empangan Chenderoh dekat sini dilepaskan dan mengalir ke Sungai Kinta dan Sungai Terus dan melimpahi tebing.

Antara kampung yang terabit adalah Kampung Pulau Gajah, Kuala Kinta, Seberang Terus, Pulau Besar dan Pulau Juar dalam mukim Pasir Panjang Ulu dan Kampung Biak, Selat Pulau dan Kepala Pulau dalam mukim Pasir Salak.

Selain itu, Kampung Ayer Mati, Padang, Pasir Jenderis, Bandar Tua

dan Pebayan dalam mukim Kampung Bandar turut dinaiki air.

Sementara itu, kira-kira 100 keluarga mangsa banjir di daerah ini yang tidak sempat menikmati kemeriahan Aidilfitri Selasa lalu, menerima sumbangan berbentuk barang keperluan harian di sini, semalam.

Pengerusi, Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (Mayang) Parlimen Pasir Salak, Datuk Ainon Khariyah Mohd Abas, berkata bantuan itu adalah sumbangan Ahli Parlimen Pasir Salak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Mayang sendiri.

"Sumbangan berkenaan atas rasa simpati Ahli Parlimen dan Mayang terhadap kesulitan penduduk yang tidak sempat menyambut Aidilfitri Selasa lalu akibat rumah mereka

ditenggelami banjir.

"Sebanyak 100 keluarga yang benar-benar teruk dilanda banjir diberi bantuan bagi membolehkan mereka menikmati kemeriahan Aidilfitri, walaupun agak terlewat daripada umat Islam lain.

"Bagaimanapun, mereka masih bernasib baik kerana tiada anggota keluarga mereka yang menerima kecelakaan atau kemalangan sepanjang tempoh banjir kilat itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada mangsa di Dewan Orang Ramai, Kampung Pulau Besar, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pergerakan Puteri Umno negeri merangkap Ketua Pergerakan Puteri Umno Bahagian Pasir Salak, Dr Wan Norashikin Wan Nordin.